







## SASTERA

# Pejuang bahasa tetap tolak PPSMI

Oleh Salbiah Ani
dahiya@bharian.com.my



**BAHA ZAIN tidak pernah melupakan tanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu.**

**Pendirian tegas demi bahasa dan bangsa Melayu**

SEMAKIN banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang menentang pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) seperti dapat dilihat melalui beberapa pernyataan secara terbuka, demonstrasi, laporan polis serta tindakan undang-undang yang akan diambil.

Di tengah-tengah kehangatan perjuangan pejuang bahasa untuk memartabatkan bahasa Melayu bagi memastikan haknya dipertahankan dan diletakkan di tempatnya seperti tertera dalam Perlembagaan Negara, ada suara di kalangan orang Melayu sendiri yang mempersoalkan tindakan pejuang bahasa, seolah-olah mereka melakukan suatu jenayah bangsa.

Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Datuk Baharuddin Zainal atau lebih dikenali sebagai Baha Zain, mengakui pejuang bahasa menerima tekanan daripada pelbagai pihak dalam usaha mereka memartabatkan semula bahasa Melayu di negara ini, berbanding ketika mereka mengadakan tunjuk perasaan pada 3 Mac 1967.

"Tunjuk perasaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada masa itu hebat kerana mendapat sokongan daripada semua lapisan masyarakat termasuk kalangan penjawat awam, polis, guru dan orang politik iaitu Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail yang ketika itu Pengarah DBP dan juga exco Umno.

"Bagaimanapun perjuangan kami hari ini tidak mendapat sokongan padu daripada orang Melayu sendiri termasuk daripada kepimpinan Gerakan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) kerana mereka tidak memahami asas perjuangan pejuang bahasa dalam menentang PPSMI," katanya ketika dihubungi Sastera.







**Bursa Malaysia**

BURSA MALAYSIA
07 Mar 2009

**KL Composite Index**




| | | |
|---|---|---|
| CI | : 869.24 | ↑ 2.31 |
| FBMSHA | : 5987.42 | ↓ -0.00 |
| FBM2BRD | : 3952.27 | ↓ -0.00 |
| FBM-MDQ | : 3111.49 | ↓ -0.00 |
| FBM100 | : 5580.10 | ↓ -0.00 |
| FBM30 | : 5588.32 | ↓ -0.00 |
| FBM70 | : 5469.89 | ↓ -0.00 |
| FBM-SCAP | : 6315.23 | ↓ -0.00 |
| FBM-EMAS | : 5676.02 | ↓ -0.00 |
| FBM-FLEDGLING | : 5217.16 | ↓ -0.00 |
| FBM-A40 | : 4246.02 | ↓ 40.92 |
| Ind | : 2070.79 | ↑ 15.49 |
| Vol | : 372,467,700.000 | |
| ↑ 225 | ↓ 230 | → 225 |

Powered by

**Versi Akhbar Digital**




**Artikel lain:**

Mutu faktor penentu
Sastera.com: Ayu Utami dipuji makin matang dalam Bilangan Fu
Warna Kehidupan: Menjemput tetamu cara moden
Sindrom 'takut' pejuang Melayu
Mewah Bahasa: Jalang tepi pantai
Di Bawah Langit Gaza
Godam: 'Masalah bahasa: Menarik rambut dalam tepung'
Budaya bertolak ansur
Sastera.com : Minggu Buku Terlarang di Amerika Syarikat
Suara protes kutuk Israel
Mewah Bahasa: 'Eden tak nak air oren dalam botol'
Bengkel giat dunia buku
Godam: 'Gendang perang Sasterawan Negara, PPSMI dan bahasa Melayu'
Warna Kehidupan: Kaki kutuk terus bertahan
E-Mel dan Anda...
PPSMI: Kembali ke pangkal jalan
Sastera.com: Kontroversi kematian penyair Russia, Alexandra Pushkin
Bahasa bukan penentu kejayaan
Mewah Bahasa: 'Sebab tak dapatlah yang aku puas ni'
Puisi tanda simpati Malaysia
Godam: 'Gelora penolakan PPSMI buat renungan semua'
Warna Kehidupan: Buruk baik hipokrasi
DBP dapat pemimpin baru
Sastera.com: 2008 tahun meriah dunia sastera India
Mewah Bahasa: 'Ngecek teman lelaki dapat telefon genggam'
Gapena teruskan niat saman
Godam: Gapena, Semangat Keranda 152, GMP dan bahasa Melayu
Warna Kehidupan: Apa ada pada nama?
E-Mel & Anda
Teks Raja Ali Haji
Sastera.com: Perang sastera Inggeris Perancis untungkan Korea
Israel terus dibidas
Mewah Bahasa: 'Ayah awak bele moto kat dalam kebun sawit?'
Kemelut kemas kini kamus
Godam: Agenda politik, agama, bahasa dan maruah diri
Warna Kehidupan: Warna busana ketika ziarah
Emel & Anda
Pejuang jati diri Melayu
Politik Hadiah Nobel dibongkar
Penyair bidas kerajaan negeri, PBT
Mewah Bahasa: 'Kena gigit semut?! Habislah kaki anak saya bengkak!'
Lipatan Syawal: Suara protes, hentam Israel
Godam: Sastera tanpa noktah buat Arena Wati

Maklumat Penuh...

Warna Kehidupan: Hakikat budaya mengampu

Google
Search
Web www.bharian.com.my







Sungguhpun demikian, Baha Zain antara individu yang terbabit dalam demonstrasi Keranda 152 iaitu jolokan nama yang diberikan oleh Sasterawan Negara (SN), Allahyarham Datuk (Dr) Usman Awang, tetap berpuas hati dengan gerakan menentang PPSMI, meskipun terbahagi kepada beberapa kumpulan.

"Kehadiran beberapa kumpulan ini bukan petanda kami berpecah, sebaliknya ia menunjukkan adanya gelombang penentangan yang kuat kerana kami semua sedar akan akibat daripada dasar PPSMI yang akan memberi kesan besar dan membunuh bahasa Melayu akhirnya," ujarnya.

Beliau tidak menafikan perjuangan pejuang bahasa yang digerakkan beberapa individu yang berani dan komited terhadap usaha memartabat dan mendaulatkan bahasa Melayu mendapat sokongan beberapa ilmuwan, bertambah perit dengan situasi lebih memihak kepada kerajaan, tetapi ia tidak bermakna mereka akan berhenti daripada memperjuangkannya.

"Jika penentangan Keranda 152 dulu ekoran Fasal 152, Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 yang diluluskan Parlimen memberi pengiktirafan kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, sekarang bukan lagi masalah akta, tetapi dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui PPSMI," jelasnya.

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu khususnya pejuang bahasa apabila ia diluluskan di Parlimen dalam masa lima hari kerana ia memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa Inggeris yang memang gajah oleh sebab kuasa ekonomi, politik dan ketenteraan di belakangnya.

Perkara ini dinyatakan dalam Keranda 152 - Bahasa Kita - Air Mata & Maruah Kita diterbitkan Persatuan Linguistik Malaysia pada 2002 bagi memperingati peristiwa bersejarah terbabit, selain ekoran dasar PPSMI (2003), turut menyebut hujah mantan Perdana Menteri, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, berhubung perkara terbabit.

Pada petang 3 Mac sebelum Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 diluluskan Dewan Rakyat Malaysia malam itu, lebih 120 pertubuhan Melayu dari seluruh negara serta orang perseorangan mengadakan rapat umum di DBP, menentangnya.

Penentangan Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 kerana tidak mengikut sepenuhnya kehendak dan semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 selain melanggar janji yang sudah dibuat pemimpin Umno berhubung pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal pada 1967.

Bukan saja kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi tidak dilucutkan pada 1967 seperti dijanjikan akan dikaji semula selepas 10 tahun merdeka, malah diperkukuhkan dan tuntutan beberapa anggota Parlimen bukan Melayu agar meliberalkan lagi dasar penggunaan bahasa kaum mereka turut dilayan.

Berhubung dakwaan sesetengah pihak yang melihat pejuang bahasa yang menentang PPSMI sebagai tidak menguasai bahasa Inggeris dan menafikan keupayaan orang Melayu berkemahiran dalam bahasa terbabit, Baha Zain menolaknya

kerana hakikatnya kelompok terbabit menjalani sistem pendidikan penjajah, tetapi tetap sayang kepada bahasa mereka.

"Nilai sendiri kebenaran hakikat ini kerana apakah mereka lupa tokoh seperti Prof Diraja Ungku Aziz, Tan Sri A Aziz Abdul Rahman, Prof Abu

Bakar Hamid, Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid dan Dr Shahril Md Zain adalah pakar bidang dan penguasaan bahasa Inggeris mereka jauh lebih hebat daripada kelompok yang melemparkan tuduhan," jelasnya.

**Malam di Balai Budaya**

*Malam itu di Balai Budaya*

*Api dan Air Mata*

*Malam itu di Balai Budaya*

*Seorang guru tua berbicara*

*'Berarak ke Parlimen, aku di muka'*

*Malam itu di Balai Budaya*

*Seorang peguam muda berteriak*

*'Ayuh, mari kita berarak'*

*Malam itu di Balai Budaya*

*Para pelajar berikrar*

*"Dada kami sedia dibakar'*

*Malam itulah juga*

*Parlimen jadi pertanda*

*Memenggal leher BAHASA*

**USMAN aWANG**

**3 Mac 1967**

**Dipetik daripada Antologi Sajak Keranda 152**

Cetak artikel | Hantar pada kawan

**Iklan Teks**

- **Laporan PERCUMA - Bongkar Rahsia Kekayaan !!**
- **Blog RMXXX + 2HARI LATIHAN percuma**
- **RAHSIA MANGGIS, BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN**
- **<<"BARU" BAKAL MELETUP DI PASARAN>>**
- **MUDAH, MURAH & TELUS !!!**
- **PENTERNAKAN CACING ORGANIK!! PENDAPATAN LUMAYAN!!**
- **PELUANG UNTUK SEMUA LEADER MLM**
- **BISNES HEBAT RAMAI ARTIS SERTAI**
- **MARI BUAT DUIT ONLINE PERCUMA !**
- **+++SANGAT MURAH!! PRABAYAR PALING UNTUNG+++**
- **Peluang Jana Pendapatan Harian Anda**
- **BISNES LUMAYAN BERSAMA ARTIS !**
- **RAHSIA JUTAWAN SEGERA**
- **PANAS!! PENDAPATAN 6ANGKA BERSAMA ALPHALIPID**
- **$$BONUS DUIT$$.... VEMMA PERCUMA ONLINE**
- **RAHSIA JUTAWAN TERBONGKAR !!!**
- **DAFTAR PERCUMA...JANA WANG$$ 100%ONLINE**
- **RMXXXX/bulan, 100%online, sambilan bersama DCL4U**
- **WAH!! BONUS$$$DIBAYAR MINGGUAN, DAFTAR/PERCUMA**
- **Premium BEAUTIFUL-WOW 5minit SLIMMING!!**
- **!!!PRODUK WANITA!!!**
- **Hosting RMXX setahun, 25% affiliate**
- **GANDA WANG BERTERUSAN KE AKAUN-CIMB!**
- **ALPHALIPID!! Rahsia Kesihatan & Kebebasan Kewangan**
- **ALPHALIPID NO 1 : BAKAL USAHAWAN DIPERLUKAN**
- **>>>TEKNIK GEMPAK MENJADI JUTAWAN DIEBAY<<<**

- **$$ DUIT mingguan $$**
- **RAHSIA YOUTUBE MENJANA RMXXX SEHARI !!**
- **KHUSUS KEPADA PENCARI PELUANG PENDAPATAN**
- **BUAT DUIT Dengan MYSPACE & FRIENDSTER-V3**
- **EKSKLUSIF untuk LELAKI : HEBAT MENGGEGARKAN !!**
- **Prestasi Unggul Hubungan Intim**
- **INILAH CARANYA!!! $$$$$$$$$$**
- **$$BONUS HEBAT UNTUK KAKITANGAN AWAM/SWASTA$$**
- **WOWW!! HARI-HARI DUIT MASUK BANK !!**
- **Akan Lancar Mac2009 - MyDNA2u**
- **Konsep BARU ! - Bantu-di-Bantu**
- **Tingkatkan Keyakinan Diri Melalui Sains**
- **FORMULA LUAR BIASA JANA PENDAPATAN !**
- **!!!! RAHSIA HEBAT !!!!!**
- **KERJA MUDAH JANA$ SETIAP MINGGU**
- **Rahsia Forex Terhebat...200-300pips sehari!!**
- **^^Harga Rendah Tempah Laman Web^^**

**Tempah Iklan Teks disini**




Hak Cipta Terpelihara 2009 - Berita Harian Sdn. Bhd. Emel kami sebarang maklum balas.
Kembali ke atas
Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.
960 online